# PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2023

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**
**PENDIDIKAN ISLAM**
**Kertas 1** **1223/1**
**Oktober 2023**
2 $^{1}/_{2}$ jam **Dua jam tiga puluh minit**

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan:**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **lima** *soalan.*
2. *Jawab* **semua** *soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam buku jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak


**1223/1** © 2023 Hak Cipta BPSBP

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. *(a)* Firman Allah SWT:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن ذَكَرٖ وَأُنثَىٰ وَجَعَلۡنَٰكُمۡ شُعُوبٗا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓاْۚ إِنَّ أَكۡرَمَكُمۡ
عِندَ ٱللَّهِ أَتۡقَىٰكُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٞ ١٣

(Surah al-Hujurat: 13)

Ayat di atas menerangkan kepelbagaian bangsa dalam Islam dan kedudukan orang yang bertakwa di sisi Allah SWT.

Berdasarkan ayat di atas,

(i) Jelaskan sebab turun ayat 13 surah al-*Hujurat*. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** keutamaan takwa. [4 *markah*]

(iii) Terangkan pengajaran daripada ayat di atas. [2 *markah*]

*(b)* Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَأَنْ يَحْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ
أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ.

(رواية البخاري)

Hadis di atas menerangkan kelebihan berdikari dalam kehidupan.

Berdasarkan hadis di atas,

(i) Nyatakan maksud berdikari. [2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas. [4 *markah*]



CamScanner

> **'Kalau attitude ke laut, memang tak tahan', warganet bidas isu Gen Z manja dan pantang kena tegur**
>
> *Sumber: Majoriti.com.my, 22 Jun 2023*

(iii) Berdasarkan tajuk artikel di atas, huraikan pandangan anda tentang peranan generasi akan datang bagi mengatasi sikap tersebut dalam menyara kehidupan. [4 *markah*]

(*c*) Nyatakan **dua** jenis *ibtida'*. [2 *markah*]

2\. (*a*) Penularan ajaran sesat dalam negara amat membimbangkan.

(i) Apakah maksud ajaran sesat? [2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** kesan melakukan ajaran sesat. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** cara untuk menjauhi ajaran sesat. [4 *markah*]

(*b*) Nama Allah al-Raqib merupakan satu nama Allah SWT yang sangat hebat.

(i) Nyatakan maksud al-Raqib. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** bukti Allah SWT bersifat al-Raqib. [4 *markah*]

> Menghayati nama Allah al-Raqib menjadikan seseorang murid itu cemerlang dan berjaya dalam pelajaran.

(iii) Huraikan pandangan anda bagi menyokong pernyataan di atas. [4 *markah*]

3 (*a*) Hukum melaksanakan ibadat haji dan umrah adalah wajib ke atas muslim yang memenuhi syarat-syaratnya.

(i) Nyatakan maksud haji. [2 *markah*]

(ii) Senaraikan **empat** syarat wajib haji dan umrah. [4 *markah*]

> Melaksanakan ibadah haji menuntut pengorbanan masa, tenaga dan perbelanjaan kos yang tinggi.

(iii) Huraikan tindakan yang perlu diambil bagi menunjukkan kesungguhan anda dalam menyempurnakan ibadah tersebut. [4 *markah*]

[*Lihat halaman sebelah*

(*b*) (i) Nyatakan maksud *faraid.* [2 *markah*]

(ii) Senaraikan **dua** rukun *faraid.* [2 *markah*]

(iii) Terangkan hikmah pensyariatan *faraid.* [2 *markah*]

| |
|---|
| Islam mensyariatkan *faraid* untuk membahagikan harta pusaka selepas berlaku kematian. |

(iv) Berdasarkan pernyataan di atas, apakah kemungkinan yang akan berlaku sekiranya tuntutan tersebut diabaikan dalam sesebuah keluarga? [4 *markah*]

4. (*a*) Pemerintahan kerajaan Umaiyah bermula di Damsyik pada tahun 41 hingga 132 Hijrah.

(i) Senaraikan **dua** nama khalifah terkenal zaman kerajaan Umaiyah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Umaiyah dari sudut ekonomi. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** iktibar yang boleh diambil daripada pemerintahan kerajaan Umaiyah. [4 *markah*]

(*b*) Ahmad bin Ibrahim merupakan tokoh undang-undang Islam di Malaysia dan diiktiraf sebagai bapa undang-undang Malaysia.

(i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim. [3 *markah*]

(ii) Senaraikan **tiga** sumbangan Ahmad bin Ibrahim. [3 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** iktibar daripada keunggulan tokoh tersebut. [4 *markah*]

5 (*a*) Sifat wasatiyah perlu ada dalam setiap diri muslim untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

(i) Apakah maksud wasatiyah? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** aspek keadilan dalam prinsip wasatiyah. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** hikmah melaksanakan prinsip wasatiyah dalam kehidupan. [4 *markah*]



**1223/1** © 2023 Hak Cipta BPSBP

(*b*) Alam sekitar merupakan anugerah Allah SWT yang tidak ternilai.

(i) Apakah maksud alam sekitar? [2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** adab menjaga alam sekitar. [4 *markah*]

Firman Allah SWT:

ظَهَرَ ٱلْفَسَادُ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِى ٱلنَّاسِ لِيُذِيقَهُم بَعْضَ ٱلَّذِى عَمِلُوا۟ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Maksudnya : "*Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia.*"

(*Surah al-Rum: 41*)

(iii) Berdasarkan maksud ayat di atas, huraikan hujah anda mengapakah situasi di atas berlaku? [4 *markah*]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**



Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm